



**"Sungai ini laluan ke laut, arus deras yang dikenali sebagai kepala air memang berbahaya kepada orang ramai"**  
Azmi Osman

21-02-2018

setempat

9

HARIAN METRO

TRAGEDI KEPALA AIR

# Ikan besar tapi bahaya

Fazrik Kamarudin  
am@hmetro.com.my

## Sungai Buloh

Fenomena kepala air yang dipercayai menjadi punca arus deras di Sungai Gasi di sini, sehingga menghanyutkan lapan pemancing, petang kelmarin bukan kejadian luar biasa bagi penduduk setempat.

Penduduk Kampung Paya Jaya Jaras Ulu di sini, Adnan Yusof, 53, berkata, kepala air sering berlaku setiap kali selepas hujan lebat.

"Walaupun kawasan ini tidak hujan, kepala air masih boleh berlaku jika hujan turun dengan lebat di kawasan bukit.

"Serahu saya tiada penduduk kampung ini yang pergi memancing di kawasan berlakunya kejadian lemas, semalam (kelmarin)."

"Kawasan sungai di belakang rumah saya ini memang laluan kepala air, selalunya air boleh melimpah sampai ke tebing setiap kali kepala air melalui sungai ini," katanya.

Peniaga, Adisman Samsuddin, 50, berkata, kawasan lubuk Sungai Gasi berhampiran Kem Tentera Sungai Buloh memang tumpuan pemancing.

"Ikan di situ besar-besar, tapi bahayanya kerap ber-

laku kepala air di sungai berkenaan setiap kali selepas hujan.

"Lagipun dasar sungai itu dalam berikutan projek mendalman sungai bagi mengelakkan banjir.

"Saya rasa semalam (kelmarin) mereka (pemancing) tak sedar ada kepala air menuju ke arah mereka berikutan kawasan ini tidak berlaku hujan. Mereka mungkin terkejut dan terus dihanyutkan arus deras tanpa sempat menyelamatkan diri," katanya.

Pengawal keselamatan, Shamsul Bahari Wahab, 48,

berkata, setiap kali berlaku fenomena kepala air, paras sungai akan meningkat antara lima ke enam meter.

"Bahayanya kepala air ini datang tanpa kita sedar. Penduduk di sini tak berani memancing di situ kerana menyedari ancaman itu," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Selangor, Azmi Osman berkata, ketinggian paras Sungai Gasi setiap kali kepala air berlaku boleh meningkat hingga tujuh meter.

"Sungai ini laluan ke laut, arus deras yang dikenali sebagai kepala air memang berbahaya kepada orang ramai berlaku secara tiba-tiba. Kadangkala tanpa tanda," katanya.



## Sungai Buloh

### Kes mati lemas bertambah

Sebanyak 12 kehilangan nyawa direkodkan membabitkan kematian di air berlaku di Selangor hingga semalam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor Azmi Osman berkata, jumlah itu menunjukkan perkembangan membimbangkan.

"Jumlah mangsa terbabit dalam kes mati lemas membimbangkan, hingga Januari lalu tujuh kematian ditambah dengan kes terbaru ini 12 kes di Selangor.

"Sebanyak 10 kes berlaku ketika menjalankan aktiviti di sungai manakala dua lagi ketika aktiviti di tali air.

"Sepanjang tahun lalu, 24 kes direkodkan, jika dibuat perbandingan

hingga Februari tahun lalu hanya tiga kes kematian direkodkan," katanya.

Azmi berkata, masyarakat perlu lebih peka dan serius dengan isu keselamatan ketika berada di air.

"Saya menasihati orang ramai supaya tidak melakukan aktiviti di sungai atau tali air lebih-lebih lagi dalam keadaan cuaca tidak menentu, sebarang kemungkinan boleh berlaku yang akan membahayakan nyawa," katanya.

Dalam insiden terbaru, lapan pemancing dihanyutkan arus deras di Sungai Gasi di sini, jam 5 petang kelmarin.

Daripada jumlah itu, tiga mangsa menyelamatkan diri manakala lima lemas.